

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan insiden komando GGK (Allahyarham Mejar Mohd Zahir) yang mati tertembak ketika gimik menggunakan peluru hidup. Apakah hasil dapatan daripada siasatan ATM. Apakah risiko latihan menggunakan peluru hidup setimpal.

JAWAPAN

Latihan dengan menggunakan peluru hidup sememangnya telah dilaksanakan oleh pasukan khusus serata dunia. Latihan seperti ini jelas dapat melahirkan anggota Gerak Khas atau pasukan khusus yang kompeten dan berkeyakinan tinggi untuk menghadapi operasi khusus terutama semasa operasi menyelamatkan tebusan dalam situasi “*hostile*”.

Markas Tentera Darat telah menubuhkan sebuah Lembaga Siasatan pada 4 September 2019 (hari yang sama kejadian berlaku) bagi mengkaji, menilai dan meneliti secara menyeluruh semua aspek SOP latihan dan sebarang keperluan bagi mengelakkan perkara ini dari berulang. Pada 26 September 2019 yang lalu, Markas Tentera Darat telah mengumumkan keputusan hasil siasatannya, dimana Lembaga Siasatan mendapati insiden berkenaan diklasifikasikan sebagai kejadian terpencil dan ianya merupakan kemalangan semasa latihan. Pihak Lembaga Siasatan juga mendapati peralatan dan kelengkapan yang digunakan semasa latihan tersebut berada dalam keadaan baik.

Bagi risiko latihan menggunakan peluru hidup pula, ianya adalah setimpal dengan kemampuan 21 Grup Gerak Khas menyediakan pegawai dan anggota yang berkeyakinan tinggi dan bermotivasi untuk terus melaksanakan misi-misi khusus dan strategik negara. Latihan sebegini akan diteruskan bagi mengekalkan dan meningkatkan kompetensi pasukan khusus.